

Hubungan Malaysia, Russia makin kukuh

BH 8/6/2007

KUALA LUMPUR: Apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Russia hujung bulan ini, kunjungan itu dilihat sesuatu yang amat istimewa kerana ia menjadi lambang kepada hubungan diplomatik yang terjalin selama 40 tahun antara Kuala Lumpur dan Moscow.

“Tempoh 40 tahun ini sudah menjadikan hubungan semakin rapat, setapak demi setapak,” kata Dmitri Kosyrev, seorang penganalisis politik di agensi berita Russia, *RIA Novosti*.

Dalam laporan khas dari Moscow, Kosyrev mengimbau kembali bahawa pada tahun 60-an, Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara yang membenarkan warga Soviet tinggal selama tujuh hari tanpa visa.

“Pada masa itu, Singapura membenarkan hanya satu hari, manakala yang lain mahukan visa, dan lazimnya (negara ini) tidak begitu gemar mengeluarkannya. Kemudian tempoh itu ditambah menjadi dua minggu di Malaysia dan pada masa ini, ia dilanjutkan ke satu tempoh yang tak perlu dipersoalkan langsung,” katanya.

Kosyrev berkata, ketika ‘era

buruk Perang Dingin’, beliau tidak terlintas untuk menghargai pegawai Soviet yang melihat manfaat di sebalik menjadikan Malaysia sebuah negara istimewa buat warga Soviet untuk melawat, selepas beliau sendiri berkunjung ke Kuala Lumpur pada 1987.

“Sekarang baru nampak,” katanya.

Kosyrev berkata, walaupun Thailand adalah destinasi utama pelancong Russia di Asean, Malaysia berjaya menarik golongan tertentu daripada kalangan pelancong Russia – penyelam, pelancong yang utamakan alam sekitar atau yang gemar aktiviti lasak seperti menyusuri sungai berjeram, dan golongan yang menghargai budaya.

Pelancong seperti itu, katanya, menyumbang kepada hubungan ekonomi secara khusus antara kedua-dua negara.

Pejabat perdagangan Russia (Soviet) mula beroperasi di Kuala Lumpur pada 1967, setahun sebelum kedutaannya dibuka.

Kosyrev berkata, pejabat perdagangan itu mungkin tidak menjangka bahawa selepas 40 tahun, pelabur Malaysia kini terbabit membincangkan projek pemodenan dan pembinaan loji tenaga di Russia, membabitkan pelabur sehingga AS\$2 bilion.

“Samalah juga sukar untuk membayangkan pada 1967, bahawa selepas 39 tahun kemudian, Petronas akan melabur AS\$1.1 bilion dalam syarikat minyak milik kerajaan Russia, Rosneft,” katanya.

Hari ini, kata Kosyrev, perdagangan Russia-Malaysia tiada batasnya.

“Jika kita mendongak dan melihat sebuah pesawat pejuang di celah awan, kemungkinan besar ia pesawat buatan Russia,” katanya. – Bernama

FAKTA NOMBOR

Pelaburan di Russia

AS\$2b

Nilai pelaburan syarikat Malaysia dalam projek pemodenan dan pembinaan loji tenaga

AS\$1.1b

Nilai akan dilabur Petronas dalam syarikat minyak milik kerajaan Russia, Rosneft